



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA

STATUS SEMASA KES JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa TIADA kes baru dilaporkan pada hari ini, 29 Februari 2020.
- Jumlah kumulatif kes COVID-19 yang dilaporkan sehingga hari ini kekal sebanyak **25 kes** dengan tiga (3) kes terbaru (kes ke-23, kes ke-24, kes ke-25) yang masih dirawat di wad.
- Kesemua tiga (3) kes yang masih dirawat di hospital berikut adalah dalam keadaan stabil:
 - i. Kes ke-23, wanita warganegara Malaysia dirawat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)
 - ii. Kes ke-24, wanita warganegara Jepun dirawat di Hospital Kuala Lumpur (HKL);
 - iii. Kes ke-25, lelaki warganegara Itali dirawat di Hospital Sungai Buloh.
- Sehubungan itu, jumlah kes telah pulih sepenuhnya dan discaj sehingga hari ini ialah 22 orang.
- Sehingga 29 Februari 2020, seramai 1,619 individu telah diambil sampel bagi pengesanan jangkitan penyakit coronavirus 2019 (COVID-19). Mereka terdiri dari daripada *Patient-Under-Investigation* (PUI), kontak rapat kepada kes positif COVID-19, individu yang tiba melalui Misi Bantuan Kemanusiaan dan kapal persiaran.

MISI BANTUAN KEMANUSIAN

- Seramai 66 warganegara Malaysia dan ahli keluarga bukan warganegara dibawa balik di Wuhan, China pada 25 Februari 2020, kini berada di pusat pemantauan di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan semua dalam keadaan sihat.
- Saringan kesihatan melalui ujian pengesanan COVID-19 semasa ketibaan mendapati semua negatif.
- Mereka akan terus berada di AKEPT bagi tujuan pemantauan kesihatan selama 14 hari bermula pada 26 Februari 2020 sehingga 11 Mac 2020.

SEKATAN PERJALANAN KOREA SELATAN

- Merujuk kepada Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 28 Februari 2020, dimaklumkan bahawa:
 - i. Bagi **warganegara Republik Korea**, sekatan perjalanan **hanya** dikenakan ke atas mereka yang datang dari **Bandar Daegu dan Daerah Cheongdo sahaja**. Namun begitu, warganegara Republik Korea yang telah meninggalkan **Bandar Daegu dan Daerah Cheongdo melebihi 14** hari dari tarikh ketibaan ke Malaysia tiada sekatan perjalanan.
 - ii. Bagi **semua pelawat asing** dari **Bandar Daegu dan Daerah Cheongdo** juga dikenakan sekatan perjalanan **sekiranya** pernah berada di tempat tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh ketibaan. Namun begitu, pelawat asing yang telah meninggalkan **Bandar Daegu dan Daerah Cheongdo melebihi 14** hari dari tarikh ketibaan ke Malaysia tiada sekatan perjalanan;
 - iii. Bagi warganegara Malaysia, penduduk tetap dan pemegang pas (pas lawatan sosial jangka panjang dan pas pelajar) yang pernah berada di Bandar Daegu dan Daerah Cheongdo dalam masa 14 hari, tiada sekatan perjalanan. Walau bagaimanapun, mereka dikehendaki menjalani saringan kesihatan seperti yang ditetapkan oleh pihak KKM;

- iv. Adalah dimaklumkan bahawa peraturan ini telah dikuatkuasakan mulai 28 Febuari 2020.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

- **Pengamal Perubatan:**

- i. Berdasarkan situasi semasa COVID-19 di Malaysia dan perkembangan terkini di peringkat global, semua Pengamal Perubatan di semua peringkat fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta disarankan agar langkah-langkah pencegahan serta kawalan infeksi (*infection prevention and control*) sentiasa berada di tahap yang optimum pada setiap masa.

- **Orang Awam:**

- i. KKM sekali lagi ingin mengingatkan orang ramai agar menangguhkan perjalanan ke Republik Rakyat China, Republik Korea, Jepun, Itali dan Iran sekiranya perjalanan tersebut tidak mendesak.
- ii. Sekiranya tidak dapat menangguhkan perjalanan tersebut, langkah-langkah pencegahan perlulah dilaksanakan termasuklah mengamalkan tahap kebersihan yang optimum pada setiap masa.
- iii. Selalu mengamalkan tahap kebersihan yang optimum pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*).
- iv. Sentiasa mengamalkan etika batuk (*cough etiquette*) yang baik, iaitu menutup mulut dan hidung dengan tisu apabila batuk mahupun bersin, seterusnya membasuh tangan dengan serta merta.
- v. Sekiranya bergejala dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari melawati Republik Rakyat China, Republik Korea, Jepun, Itali dan

Iran – maklumkan mengenai sejarah perjalanan tersebut kepada Pengamal Perubatan apabila pergi mendapatkan rawatan.

- KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

29 Februari 2020